



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **SKIM KESELAMATAN 1WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR, 17 Disember 2012** – YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin hari ini melancarkan Skim Keselamatan 1Wilayah Persekutuan yang bertujuan untuk membantu penduduk di kawasan perumahan untuk menyediakan, mempertingkatkan, dan membaik pulih kemudahan dan melaksanakan program-program keselamatan di kawasan-kawasan perumahan di Wilayah Persekutuan.

Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan dalam mengurangkan kadar indeks jenayah, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bersama Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) telah mewujudkan satu skim bagi menyediakan dana untuk meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan dan mempertingkatkan lagi persepsi awam tentang keselamatan. Skim keselamatan ini akan di uruskan oleh YWP dan akan dipantau oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam aspek pelaksanaannya.

Sehubungan dengan itu Yayasan Wilayah Persekutuan yang merupakan sebuah yayasan negeri yang ditubuhkan bertujuan untuk menerima, mengumpul dan menguruskan dana supaya dapat memberikan perkhidmatan dan bantuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin dan yang memerlukan dalam pelajaran, kesihatan, kebajikan dan sosial serta ekonomi penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan adalah diamanahkan untuk menguruskan skim keselamatan ini dengan dana permulaan sebanyak RM2 juta. Daripada dana tersebut,

sumbangan pihak kerajaan melalui Yayasan Wilayah Persekutuan adalah sebanyak RM1 juta manakala pihak REHDA juga adalah sebanyak RM1 juta (*concept one to one*).

Antara perkara dan program yang tertakluk di bawah skop skim ini ialah:

- i. Menyediakan dan membaik pulih pagar halangan keselamatan;
- ii. Menyediakan dan membaik pulih kamera litar tertutup;
- iii. Menyediakan dan membaik pulih sistem talian setempat (*intercom system*);
- iv. Menyediakan dan membaik pulih pos pengawal dan sistem kawalan;
- v. Menyediakan dan membaik pulih lampu untuk tujuan keselamatan;
- vi. Menyediakan dan membaik pulih cermin keselamatan;
- vii. Melaksanakan program ICT khusus dalam isu keselamatan kepada penduduk setempat;
- viii. Program pos lawatan dan perbincangan anggota polis bersama penduduk setempat;
- ix. Melaksanakan aktiviti rondaan rukun tetangga/anggota polis; dan
- x. Lain-lain program/kemudahan yang diluluskan oleh YWP dari semasa ke semasa.

Persatuan Penduduk yang berminat perlu membuat permohonan dengan pihak YWP. Kaedah yang digunakan dalam pelaksanaan skim ini adalah berkonsepkan '*Matching Grant*' atau 'geran sepadan' di mana Persatuan Penduduk perlu membiayai antara 20% atau lebih (maksimum 80%) mengikut jenis permohonan kawasan perumahan dan selebihnya akan dibiayai di bawah peruntukan Skim Keselamatan 1 Wilayah Persekutuan.

Pelaksanaan Skim Keselamatan 1 Wilayah Persekutuan ini diharap dapat membantu penduduk setempat melaksanakan penambahbaikan secara berterusan

terhadap aspek keselamatan bagi mengurangkan kadar jenayah seterusnya mewujudkan persekitaran kawasan perumahan yang selamat dan selesa untuk didiami.

Pihak kerajaan juga berharap agar usaha murni untuk memelihara keselamatan kawasan perumahan ini mendapat sokongan yang padu daripada penduduk setempat dan komitmen orang awam terutamanya pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam bersama-sama meningkatkan tahap keselamatan persekitaran di kawasan perumahan di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur ini.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

17 Disember 2012

Kuala Lumpur